



Auladuna

2025(UP)600-002/042(50)



Mujizat

Nabi Musa 'alaihissalam 6

Tempat Sejarah Islam 9

Jenis-Jenis Buli 14

Apa Perlu Dibuat Jika Adik Dibuli 10-11

Kandungan Auladuna

3 Kalam auladuna

4 Asma'u'l Husna

5 Pengenalan Surah

6 Mujizat Nabi

7 Belajar Bahasa Arab

8 Asah Minda

9 Tempat Sejarah Islam

10 Info Auladuna

11 Info Auladuna

12 Amar Ma'ruf

13 Nahi Munkar

14 Ingin Tahu

15 Sambung Jawi

16 Baca dan Salin Semula

17 Sesuai dan Padankan

18 Kenali Masjid

19 Gambar Tersembunyi

20 Doa

Anggota Redaksi

Editor

Hajah Ruzaimah binti Haji Ibrahim

Penolong Editor

Qairunnisa binti Haji Jalil

Penyelaras

Suriati Haji Ali Hussin

Pemasaran

Hajah Margawati binti Abd. Rahman
Nurul Nabilah binti Masri

Pembantu Penyelaras

Hajah Ratna Wati binti Haji Abd. Karim

Md. Zelihan bin Ahad

Azizah binti Hidup

Rokiah binti Haji Mohamad Serudin

Dahlan bin Chuchu

Pg. Yusdi bin Pg. Rumbli

Haji Muhammad Aminuddin bin Haji Jamaluddin

AMAN TANPA BULI, SAYANGI SAHABAT

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Adik-adik semua, tahukah adik-adik apa makna buli? Menurut Kamus Bahasa Melayu Nusantara, buli bermaksud perbuatan yang menggunakan kekuatan atau kekuasaan untuk menakut-nakuti dan mengerasi orang yang lemah. Buli ini dibahagikan kepada empat jenis iaitu buli lisan, buli fizikal, buli sosial dan juga buli siber atau atas talian.

Buli yang selalu terjadi di sekolah-sekolah ialah buli *verbal* atau lisan contohnya adik-adik melakukan perbuatan mengejek, mencerca dan menyindir atau menghamburkan kata-kata kesat kepada rakan adik-adik yang lain seperti disebabkan kelainan pada nama, fizikal dan rupa parasnya.

Buli adalah satu perbuatan yang negatif dan tidak baik. Akibat perbuatan buli itu menyebabkan mereka yang dibuli itu berasa takut serta tidak berani datang ke sekolah. Malah yang lebih teruk lagi, mereka tidak dapat menumpukan perhatian sepenuhnya terhadap pelajaran.

Oleh itu, pastikan diri adik-adik tidak menjadi seorang pembuli iaitu dengan memupuk nilai-nilai murni dalam diri adik-adik antaranya; menghormati serta prihatin kepada rakan-rakan, bergaul secara positif, kawal rasa marah dan kecewa dan sentiasa bersifat tegas dalam menjaga hak diri adik-adik tanpa menjadi agresif.

Marilah kita sama-sama menjadikan sekolah kita aman tanpa buli.



ASMA'UL HUSNA

الْمَتِينُ

AL-MATIN

Yang Maha Teguh

Sesungguhnya Allah, Dialah Pemberi rezeki yang Mempunyai kekuatan yang teguh.

Terjemahan Makna Surah Adz- Dzaariyat: 58

Al-Matin bermaksud Yang Maha Teguh. Zikir ini sesuai dibaca bagi melatih diri membersihkan hati. Hendaklah nama ini disatukan dengan nama al-Qawiy iaitu يَاقُوٰيْ يَامِتِينُ. Nescaya ia akan dikurniakan keyakinan dan kebenaran.



SURAH LUQMAAN

Surah ini dinamakan Luqmaan kerana di dalamnya terdapat kisah seorang lelaki bernama Luqman. Pada ayat 12 disebutkan bahawa Luqman telah dikurniakan ni'mat dan ilmu pengetahuan oleh Allah Subhanahu wa Ta'ala dan pada ayat 13 hingga ayat 19 terdapat nasihat-nasihat Luqman kepada anaknya.

Antara nasihat pengajaran Luqman kepada anaknya ialah:



Mengesakan Allah dan tidak memperseku-
tukan-Nya dengan yang lain.



Berbuat baik kepada ibu
bapa.



Beramal shalih.



Sentiasa mendirikan
sembahyang.



Mengajak manusia
berbuat ma'ruf dan
mencegah daripada
perbuatan munkar.



Jangan sombang dan
angkuh.



- Nabi Musa 'alaihissalam telah dikurniakan sembilan mu'jizat seperti yang disebutkan dalam al-Qur'an.

Dan demi sesungguhnya Kami telah mengurniakan kepada Nabi Musa sembilan mu'jizat yang nyata (membuktikan kebenarannya) maka tanyakanlah (wahai Nabi Muhammad) kepada Bani Israel (tentang itu) ketika Nabi Musa datang kepada mereka lalu Fir'aun berkata kepadanya:

"Sesungguhnya aku yakin engkau ini wahai Musa seorang yang kena sihir.

(Terjemahan makna surah al-Israa': 101)

Mu'jizat Nabi Musa yang telah disepakati bersama di antaranya adalah tongkat, tangan Nabi Musa yang menjadi putih bercahaya, angin taufan, belalang, kutu, katak, dan darah.

Mu'jizat yang paling dikenal adalah ketika Nabi Musa membelah lautan dengan tongkatnya. Ketika itu kaum Bani Israel dikejar oleh Raja Fir'aun dan tenteranya. Mereka berusaha menyelamatkan diri bersama Nabi Musa 'alaihissalam. Ketika sampai di tepi Laut Merah, mereka semua merasa takut kerana mereka tidak dapat melalui laut tersebut.

Ketika itulah Allah Subhanahu wa Ta'ala memerintahkan Nabi Musa untuk melempar tongkatnya ke laut. Dengan kuasa-Nya, Nabi Musa membelah lautan dengan tongkatnya. Rombongan Nabi Musa 'alaihissalam berhasil melewati lautan tersebut.



Manakala Raja Fir'aun yang masih berada di tepi laut berusaha untuk mengejar rombongan Nabi Musa, dengan keadaan lautan masih terbelah membentuk tebing. Namun, dengan kehendak Allah Subhanahu wa Ta'ala laut tersebut kembali tertutup ketika Fir'aun dan tenteranya sedang berada di tengah laut.

Rombongan Fir'aun pun tenggelam di tengah Laut Merah, manakala rombongan Nabi Musa sudah berjaya berada di seberang timur Laut Merah.

BELAJAR BAHASA ARAB



وَعَلَيْكُمُ السَّلَامُ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ

إِسْمِيْ أَحْمَدٌ.

Nama saya Ahmad.

إِسْمِيْ عُمَرٌ، وَمَا إِسْمُكَ؟

Nama saya Omar dan siapa nama kamu?

كَيْفَ حَالُكَ؟

Apa khabar kamu?

أَنَا بِخَيْرٍ الْحَمْدُ لِلَّهِ، وَأَنْتَ، كَيْفَ حَالُكَ؟

Saya baik-baik saja *alhamdulillah*,
dan kamu apa khabar?

أَنَا كَذِلِكَ، أَئِنَّ تَسْكُنُ؟

Saya juga begitu baik-baik saja,
dimana kamu tinggal?

أَسْكُنُ فِي قَرْيَةٍ كَاتُوق، وَأَيْنَ تَسْكُنُ؟

Saya tinggal di Kampong Katok,
dan kamu tinggal dimana?

أَسْكُنُ فِي قَرْيَةٍ لَمْبَق.

Saya tinggal di Kampong Lambak.

أَنَا سَعِيدٌ بِلِقَائِكَ.

Saya senang berkenalan denganmu.

وَأَنَا أَيْضًا، إِلَى الْلِقَاءِ.

Saya juga, sampai jumpa lagi.

مَعَ السَّلَامَةِ.

Selamat tinggal.



Cuba adik-adik cari antara sifat-sifat yang terpuji pada ejaan jawi di bawah ini. Selamat mencuba.

حرمة ڦمدوليان جوجور صبر إخلاص شکور
ثاتوه راجين امانه فريهاتين

ج	ع	ر	ث	ل	و	ب	ي	س
و	د	غ	ر	ب	ص	ذ	ش	ب
ج	ج	ب	ا	س	خ	م	ك	ف
و	ع	ق	ج	ب	ر	ك	ب	ز
ر	ق	ن	ي	ت	ا	ه	ي	ر
ب	ي	ب	ن	لا	م	ب	لا	ض
ب	لا	ه	و	ت	ا	ف	ب	ب
ب	ج	و	ن	ب	ن	ي	ه	ث
إ	ب	ء	ا	ب	ب	ب	ب	ح
خ	ص	س	ذ	م	ش	ة	ر	ب
لا	ب	ن	ا	ي	ل	و	د	م
ص	ف	ر	ب	ب	ح	إ	ش	ف

JABAL NUR DAN GUA HIRA'

Jabal Nur merupakan salah sebuah bukit yang terletak lebih kurang tujuh kilometer di bahagian barat Masjidil Haram, Kota Mekah.

TEMPAT SEJARAH ISLAM

Bukit yang memiliki ketinggian sebanyak 642 meter ini dinamakan "Nur" yang bermaksud 'cahaya' kerana di puncaknya terdapat Gua Hira' iaitu tempat Rasulullah bermunajat dan menerima wahyu daripada Allah Subhanahu wa Ta'alaa.

Baginda ke Gua Hira' bagi menghindari masyarakat Arab Jahiliyah yang ketika itu masih belum beriman kepada Allah dan sering melakukan ma'siat serta dosa-dosa besar.

D i gua tersebut, Rasulullah didatangi Malaikat Jibril yang menyampaikan wahyu pertama yang merupakan ayat 1 - 5 surah al-'Alaq.

D engan perasaan takut dan gelisah, beliau terus pulang ke rumah dan bercerita kepada Sayyidatina Khadijah.

S aiyidatina Khadijah menyelimuti dan menenangkan baginda. Kemudian membawa bertemu sepupunya Waraqah bin Naufal, seorang pendeta Nasrani. Menurut Waraqah, baginda telah dilantik menjadi rasul sebagaimana yang disebut dalam kitab terdahulu.

APA PERLU DIBUAT

1. BERITAHU SESEORANG YANG DIPERCAYAI

Beritahu dan kongsi masalah ini dengan ibu bapa, ahli keluarga, guru dan rakan yang dipercayai mengenai apa yang sedang berlaku. Jangan menyimpan masalah ini seorang diri.



2. JANGAN BERTINDAK BALAS DENGAN KEGANASAN

Walaupun adik merasa marah dan kecawa, adik-adik tidak perlu bertindak balas dengan keganasan kerana bertindak balas dengan keganasan hanya akan memburukkan keadaan dan mungkin membawa kepada masalah disiplin adik-adik. Sebaliknya, cubakekalkan tenang dan beredar dari situasi tersebut.

3. ELAKKAN TEMPAT BERISIKO

Elakkan berseorangan pergi ke tempat-tempat adik sering dibuli seperti tandas atau lorong tertentu dan sebagainya. Sebaliknya, pergi bersama rakan atau minta guru untuk mengawasi kawasan tersebut.

JIKA ADIK DIBULI?

INFO
AULADUNA

4. JANGAN SALAHKAN DIRI SENDIRI

Jangan biarkan pembuli membuat adik-adik berasa rendah diri, tertekan atau berfikir bahawa adik-adik bersalah. Ingatlah, buli adalah salah pembuli, bukan salah adik-adik.

5. KUMPULKAN BUKTI JIKA DIPERLUKAN

Kumpul bukti untuk melaporkan kejadian tersebut kepada pihak sekolah atau kepada pihak berkuasa undang-undang jika perlu. Jika buli yang dialami adalah buli siber tangkap layar (*screenshot*) mesej-mesej yang mengandungi bahan buli tersebut sebagai bukti.

6. LAPORKAN KEPADA PIHAK BERKUASA SEKOLAH

Sekiranya buli yang adik-adik alami berterusan, adik-adik perlu melaporkan kejadian tersebut kepada pihak berkuasa sekolah seperti guru, kaunselor atau pengetua. Sekolah mempunyai peraturan yang bertujuan untuk menangani masalah buli, dan mereka boleh mengambil tindakan untuk melindungi adik-adik. Pastikan laporan adik-adik jelas, termasuk maklumat tentang siapa yang membuli adik-adik, di mana dan bila ia berlaku, serta apa yang berlaku.



BERBUAT BAIK SESAMA MANUSIA

وَأَعْبُدُوا إِلَهَهُ وَلَا تُشْرِكُوا بِهِ شَيْئًا وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَنَا
وَبِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَمَّى وَالْمَسَاكِينِ وَالْجَارِذِي
الْقَرِيبِ وَالْجَارِ الْجُنُبِ وَالصَّاحِبِ بِالْجَعْنِ وَابْنِ السَّبِيلِ
وَمَا مَلَكَتْ أَيْمَانُكُمْ إِنَّ اللَّهَ لَا يِنْحِبُّ مَنْ كَانَ مُخْنَثًا لَا
فَخُورًا ﴿٣٦﴾

Mafhumnya:

Dan sembahlah Allah dan janganlah kamu mempersekuatkan-Nya dengan suatu apa pun. Dan berbuat baiklah kepada ibu bapa, kaum kerabat, anak-anak yatim, orang-orang miskin, jiran tetangga yang dekat, jiran tetangga yang jauh, rakan sejawat, orang-orang musafir yang terlantar dalam perjalanannya (yang terputus perbelanjaannya) dan juga hamba yang kamu miliki. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang yang sombong dan membanggakan diri.

(Surah An-Nisaa': 36)



LARANGAN IRI HATI TERHADAP APA YANG DIMILIKI ORANG LAIN

وَلَا تَنْمِتُوا مَا فَضَّلَ اللَّهُ بِهِ بَعْضَكُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ لِّلرِجَالِ نَصِيبٌ
مِّمَّا أَكْسَبُوا وَلِلنِّسَاءِ نَصِيبٌ مِّمَّا أَكْسَبْنَا وَسَأُلُوا أَنَّهُ مِنْ
فَضْلِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمًا ﴿٣٢﴾

Mathumnya:

Dan janganlah kamu iri hati terhadap kurnia yang telah dilebihkan Allah kepada sebahagian kamu atas sebahagian yang lain. (Kerana) untuk laki-laki ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan, dan untuk perempuan ada bahagian daripada apa yang mereka usahakan. Dan pohonkanlah kepada Allah limpah kurnia-Nya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Mengetahui segala sesuatu.

(Surah An-Nisaa': 32)

INGIN TAHU

JENIS-JENIS BULI



Buli Lisan - Mengejek, Mencerca, Menghamburkan kata-kata kesat.



Buli Fizikal - Memukul menggunakan tangan, kaki atau objek secara berterusan sehingga menyebabkan kecederaan.



Buli Sosial - Perbuatan menghasut atau menyebarkan kata-kata yang tidak berasas kepada rakan adik-adik bagi tujuan merenggangkan hubungan dengan seseorang mangsa.



Buli Siber atau Talian - Meninggalkan komen negatif seperti mengancam, memalukan atau menghina seseorang melalui Instagram, facebook, WhatsApp dan sebagainya.

SILA ADIK-ADIK SAMBUNG EJAAN JAWI BERIKUT

باء ي ق هات ي



ب رچ اك ف ب ن ر



ڦ ن ا ي غ



ڦ م و ر ه



BACA DAN SALIN
SEMULA

بِسْمِ اللَّهِ تَوَكَّلْتُ عَلَى اللَّهِ لَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ

اللَّهُمَّ أَعِنِّي عَلَى ذِكْرِكَ وَشُكْرِكَ وَحُسْنِ عِبَادَاتِكَ



SESUAI
DAN PADANKAN

Tandakan / bagi perbuatan yang baik dan tandakan X bagi perbuatan yang salah.



KENALI MASJID

MASJID AZ ZAKIREEN MERAGANG



Masjid ini dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Mac 2024.

Keseluruhan kapasiti Masjid Az-Zakireen Meragang ini boleh menampung seramai lebih kurang 2,200 orang jemaah.

Kemudahan yang disediakan di masjid berkenaan adalah tandas untuk Orang Kelainan Upaya, Bilik Kuliah, Bilik Perpustakaan, Bilik Pengurusan Jenazah serta tempat letak kereta termasuk untuk Orang Kelainan Upaya.

Bangunan masjid baharu ini dibina di atas sebidang tanah berkeluasan 8.159 ekar dan menggunakan anggaran peruntukan di bawah Rancangan Kemajuan Negara berjumlah BND4.3 juta.

BENDA
TERSEMBUNYI



Cuba adik-adik cari buah-buahan yang terdapat dalam kebun sayur ini.



DOA MOHON AMPUN DAN RAHMAT ALLAH

رَبَّنَا آءِنَا فَاغْفِرْلَنَا وَأَرْحَمْنَا وَأَنْتَ خَيْرُ الرَّاحِمِينَ ﴿١٠٩﴾

Mafhumnya:

“Ya Tuhan kami! Kami telah beriman maka ampunilah kami serta kurniakanlah rahmat kepada kami dan Engkau jualah sebaik-baik pemberi rahmat.”

(Surah al-Mu'minun: 109)

